

PERATURAN PEMARKAHAN

No. Soalan	Perincian	Markah
1(a) T4 Bab 3 Hal. 84 (10.2.5)	<p>Nyatakan tindakan Bintang Tiga semasa berkuasa di Tanah Melayu.</p> <p>F1 Menguasai bandar</p> <p>F2 Menyerang balai polis</p> <p>F3 Menguasai pejabat pentadbiran kerajaan</p> <p>F4 Menjalankan undang-undang sendiri</p> <p>F5 Mewujudkan mahkamah sendiri</p> <p>F6 Menjatuhkan hukuman mati terhadap sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun/ terutama orang Melayu/Cina/India</p> <p>F7 Membunuh anggota polis / askar / pegawai daerah / pasukan sukarelawan Melayu/ penduduk tempatan</p> <p>F8 Menimbulkan huru- hara/kekacauan/rumah dibakar</p> <p>F9 Menyeksa/melakukan kekejaman</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 2 x 1m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2m]</p>
1(b) T4 Bab 3 Hal. 84-85 (10.2.5)	<p>Bagaimanakah masyarakat bertindak balas terhadap tindakan Bintang Tiga di 1(a).</p> <p>F1 Orang Melayu bersatu membentuk gerakan menentang Bintang Tiga</p> <p>F2 Mengancam institusi politik/kekeluargaan/agama Islam</p> <p>F3 Gerakan Fi-Sabilillah</p> <p>F4 Mempertahankan maruah bangsa / hak / harta / kelangsungan hidup orang Melayu</p> <p>F5 Kepimpinan ulama tempatan memberi inspirasi kepada masyarakat Melayu</p> <p>F6 Haji Salleh Abdul Karim / Kiai Salleh</p> <p>F7 Menubuhkan pasukan tentera Selempang Merah</p> <p>F8 Tuan Haji Bakri Haji Mohd Saman</p> <p>F9 Menjadi Khalifah Parang Panjang</p> <p>F10 Mempertahankan orang Melayu</p> <p>F11 Lokasi kebangkitan di Batu Pahat /Ayer Hitam / Senggarang/ Rengit / Muar di Johor / Batu Kikir Negeri Sembilan /Alor Gajah Melaka / Sungai Manik / Teluk Anson/Kampung Gajah / Bidor / Kuala Kangsar di Perak / Temerloh / Raub di Pahang / Baling di Kedah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

No. Soalan	Perincian	Markah
	F12 Dato' Onn Jaafar / Pegawai Daerah Batu Pahat	1
	F13 Menamatkan kekacauan / memulihkan keamanan	1
	F14 Mengatur perundingan antara Kiai Salleh dengan ketua Bintang Tiga	1
	F15 Memujuk Kiai Salleh membebaskan orang Cina	1
	F16 Bintang Tiga perlu menamatkan penguasaan terhadap Balai Polis Batu Pahat	1
	F17 Raja-Raja Melayu berusaha menyelesaikan pergaduhan kaum	1
	F18 Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al- Mu'adzam Shah / Sultan Pahang berangkat ke Lipis	1
	F19 Mengingatkan penduduk agar tidak melakukan pergaduhan	1
	F20 Sultan Abdul Aziz Almustasim Billah Shah / Sultan Perak	1
	F21 Mengadakan lawatan ke beberapa daerah untuk memastikan tidak berlaku pergaduhan antara orang Melayu dengan orang Cina	1
	F22 Berjumpa pemimpin setempat / penghulu / ketua kampung / pegawai kerajaan	1
	F23 Kerja pemulihan selepas perang diberi keutamaan	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]
1(c) KBAT (K10.2.8)	<p>Semangat cintai negara harus ada dalam jiwa rakyat Malaysia.</p> <p>Beri ulasan anda.</p> <p>F1 Mengukuhkan semangat patriotik</p>	1
	F2 Mengekalkan kesetiaan kepada negara	1
	F2 Menjamin kestabilan politik	1
	F3 Menguatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat	1
	F4 Mewujudkan masyarakat sejahtera / aman	1
	F5 Membentuk masyarakat yang harmoni / muhibbah	1
	F6 Menghalang penjajahan bentuk baharu	1
	F7 Meningkatkan imej negara	1
	F8 Mengekalkan kemerdekaan negara	1
	(Mana-mana jawapan berkaitan)	
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

No. Soalan	Perincian	Markah
	<p>Nota : Pernyataan diberi 1 markah sekiranya beserta dengan huraian Salin bulat-bulat/soalan - tiada markah</p>	
2(a) T4 Bab 8 Hal. 206 (11.2.4)	<p>Namakan dua tokoh pemimpin tempatan yang terlibat dalam kabinet tersebut.</p> <p>F1 Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj</p> <p>F2 Dato' Abdul Razak Hussein</p> <p>F3 Dato' Sulaiman Dato' Abdul Rahman</p> <p>F4 Dr. Ismail Abdul Rahman</p> <p>F5 H.S. Lee</p> <p>F6 Sardon Jubir</p> <p>F7 V.T. Sambanthan</p> <p>F8 Leong Yew Koh</p> <p>F9 Ong Yoke Lin</p> <p>F10 Abdul Aziz Ishak</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 2 x 1m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2m]</p>
2(b) T4 Bab 8 Hal. 206	<p>Jelaskan peranan kabinet tersebut.</p> <p>F1 Ke arah <u>berkerajaan sendiri</u>/mencapai kemerdekaan</p> <p>F2 Berkuasa menubuhkan <u>kabinetnya sendiri</u></p> <p>F3 Memastikan pentadbiran negara berjalan dengan <u>lancar</u></p> <p>F4 Membincangkan soal <u>kewangan</u></p> <p>F5 Keperluan orang tempatan dalam <u>perkhidmatan awam</u></p> <p>F6 Menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan</p> <p>F7 Berasaskan Model Westminster</p> <p>F8 Mengurangkan kuasa pentadbiran British</p> <p>F9 Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan</p> <p>F10 Membincangkan isu keselamatan dalam negeri / pertahanan</p> <p>F11 Pemimpin tempatan dipilih untuk mentadbir negara</p> <p>F12 Membina bangsa yang bersatu melalui pendidikan</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

No. Soalan	Perincian	Markah
	F13 Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan F14 Mengurangkan pegawai Eropah dalam Malayan Civil Service secara berperingkat F15 Meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan/kesihatan F16 Membangunkan negara menerusi jawatan yang diamanahkan F17 Bekerjasama/berkongsi kuasa antara satu sama lain	1 1 1 1 1
2(c) KBAT (K 11.2.8)	<p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p> <p>Amalan perkongsian kuasa dalam masyarakat berbilang kaum penting kepada keharmonian negara. Beri pandangan anda.</p> F1 Memupuk perpaduan F2 Mewujudkan toleransi antara kaum F3 Melahirkan kerjasama antara kaum F4 Menjamin keamanan negara F5 Mewujudkan pentadbiran yang cekap F6 Menjamin kesejahteraan masyarakat F7 Menjamin ekonomi yang adil F8 Mewujudkan kestabilan politik F9 Memastikan kebajikan setiap kaum terpelihara (Mana-mana jawapan berkaitan)	<p style="text-align: right;">[4m]</p> 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p> <p style="text-align: right;">[4m]</p>

No. Soalan	Perincian	Markah
3 (a) T5 Bab 1 Hal. 4-5 (12.1.1)	Jelaskan maksud kedaulatan.	
	F1 Kekuasaan tertinggi dalam negara	1
	F2 Asas negara merdeka	1
	F3 Kewibawaan sesebuah negara yang bebas	1
	F4 Hak untuk melaksanakan pemerintahan / pentadbiran negara	1
	F5 Bahasa Yunani /supernuus / superanus bermaksud agung / tertinggi / negara yang bebas / merdeka	1
	F6 Bahasa Inggeris mentakrif sebagai sovereignty / negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan/ pentadbiran	1
	F7 Daulah berasal daripada Bahasa Arab / kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan	1
	F8 Bahasa Melayu merujuk daulat / negara yang bebas dan merdeka/ berkerajaan sendiri	1
	F9 Aristotle / kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan / kerajaan yang terikat oleh undang-undang	1
	F10 Ibn Khaldun / kekuatan / kekuasaan sesebuah negara / semangat kekitaan bangsa / kekuatan semangat beragama	1
	F11 rela berkorban demi cita-cita yang sama	1
	F12 Jean Bodin / kuasa tertinggi sesebuah negara	1
	F13 Bersifat kekal/ mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat/mentafsir/melaksanakan undang-undang	1
	F14 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj / kebebasan dan keadilan	1
	F15 memperjuangkan kebajikan / kesejahteraan rakyat	1
	F16 Tun Dr. Mohamed Salleh Abas / negara yang merdeka / memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa	1
	F17 Hak / kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing -campur tangan asing	1
	F18 Kedaulatan diterima /diiktiraf negara lain	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]
	<p>Nota: Sekiranya pelajar menulis nama tokoh beserta pandangannya dengan betul, pelajar diberi 2 markah Sekiranya pelajar menulis nama tokoh sahaja tidak diterima/tiada markah</p>	

No. Soalan	Perincian	Markah
3 (b)	Jelaskan ciri-ciri negara yang berdaulat	
T5		
Bab 1	F1 Mempunyai sistem Pemerintahan yang teratur	1
Hal. 8-9	F2 Menjaga kestabilan politik / keamanan / pertahanan / ekonomi	1
(12.1.2)	F3 Sistem Raja Berperlembagaan / Demokrasi Berparlimen	1
	F4 Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong	1
	F5 Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri	1
	F6 Dibantu Jemaah Menteri.	1
	F7 Mempunyai Sempadan	1
	F8 Garis pemisah antara negeri / negara	1
	F9 Malaysia berkongsi sempadan darat / air / udara	1
	F10 Negara Singapura / Thailand / Indonesia / Brunei / Filipina	1
	F11 Sempadan Malaysia diakui oleh masyarakat antarabangsa / PBB	1
	F12 Memudahkan urusan pemerintahan / pentadbiran / pertahanan / pembangunan ekonomi	1
	F13 Mempunyai sistem perundangan	1
	F14 Asas peraturan negara /rujukan pentadbiran	1
	F15 berpandukan Perlembagaan Persekutuan	1
	F16 memelihara kesejahteraan / menjamin keadilan	1
	F17 melindungi /mengawal rakyat	1
	F18 Parlimen menggubal / menentukan sistem perundangan negara	1
	F19 Mempunyai Rakyat	1
	F20 Penduduk di sesebuah negara	1
	F21 Terikat dengan undang-undang / peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah/ tidak melakukan jenayah	1
	F22 Rakyat negara kita terdiri daripada pelbagai kaum / agama / adat resam	1
	F23 Disatukan melalui satu bahasa / kebudayaan / Rukun Negara / identiti nasional / lambang	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

No. Soalan	Perincian	Markah
3(c) KBAT (K12.1.6)	Ulaskan pernyataan tersebut.	
	F1 Mana-mana negara mampu membebaskan diri daripada penjajahan	1
	F2 Bebas menentukan pentadbiran mengikut acuan sendiri	1
	F3 Mempertahankan kemerdekaannya jika negara tersebut kuat	1
	F4 Masyarakat menguasai ilmu / teknologi / kemahiran yang terkini	1
	F5 Memelihara identiti	1
	F6 Berbangga dengan warisan negara	1
	F7 Memantapkan jati diri	1
	F8 Meningkatkan semangat patriotik / cinta akan negara / sanggup berkorban untuk negara (Mana-mana jawapan berkaitan)	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]
	<p>Nota: Jawapan pelajar perlu berkait dengan pernyataan (Mesti ada isi tersurat dan tersirat)</p>	

No. Soalan	Perincian	Markah
4(a)	Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?	
T5		
Bab 6	F1 Ketidakseimbangan dalam ekonomi / sosial	1
Hal.	F2 Bermula selepas Pilihan Raya Umum Ketiga	1
129	F3 Berlaku di Kuala Lumpur / Selangor / kawasan sekitarnya	1
(13.2.5)	F4 Keadaan/ keputusan pilihan raya menyebabkan berlakunya ketegangan	1
	F5 Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya	1
	F6 Menyentuh sensitiviti sesuatu kaum semasa berkempen	1
	F7 PKM mengambil kesempatan semasa pilihan raya	1
	F8 Mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum	1
	F9 Parti yang bertanding berkempen menggunakan sentimen parkauman / keagamaan	1
	F10 Untuk mendapat sokongan pengundi	1
	F11 Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal	1
	F12 Penyokong parti politik memprovokasikan keadaan / menimbulkan kekacauan	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]
4(b)	Jelaskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk mengatasi peristiwa 13 Mei 1969.	
T5		
Bab 6	F1 Pengisytiharan darurat	1
Hal.	F2 Diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 di seluruh negara	1
129-131	F3 Perlembagaan digantung	1
(13.2.5)	F4 Parlimen ditangguh	1
	F5 Mewujudkan pusat perlindungan	1
	F6 Stadium Merdeka/Tiong Nam Settlement	1
	F7 Pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung	1
	F8 Orang ramai tidak dibenarkan keluar daripada kediaman masing-masing	1
	F9 Penubuhan jawatankuasa bertugas	1
	F10 Menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan	1
	F11 Semua berita daripada pihak media ditapis/dipastikan sah	1

No. Soalan	Perincian	Markah
	F12 Memastikan bekalan makanan diperoleh penduduk dipusat perlindungan	1
	F13 Pihak berkuasa memagar kawasan Kampung Baru	1
	F14 Menjadi kawasan perintah berkurung yang besar	1
	F15 Tentera memberikan perlindungan kepada penduduk yang berlindung di beberapa kem tentera	1
	F16 Penubuhan Majlis Gerakan negara (MAGERAN)	1
	F17 Dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak Hussein	1
	F18 Ahlinya terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam / pegawai tinggi polis / tentera	1
	F19 Diberi kuasa memerintah semasa darurat	1
	F20 Bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara	1
	F21 Fokus utama ialah masalah perpaduan kaum / ketidakseimbangan ekonomi antara kaum	1
	F22 Mengembalikan keamanan / undang-undang	1
	F23 Menentukan pentadbiran yang licin dalam negara	1
	F24 Mengembalikan keharmonian / kepercayaan antara kaum dalam negara	1
	F25 Menggantungkan sementara penerbitan semua akhbar	1
	F26 Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948	1
	F27 Jabatan Penerangan menapis berita palsu / menerangkan usaha kerajaan	1
	F28 Peranan Raja	1
	F29 Sultan Perak / Sultan Idris Iskandar Shah II menasihati rakyat agar menjaga keamanan	1
	F30 Penubuhan Jawatankuasa Muhibah	1
	F31 Menulis surat merayu penduduk agar bertenang / membantu negara mengekalkan keamanan	1
	F32 Raja di negeri-negeri lain turut meminta rakyat agar bertenang / mematuhi undang-undang	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]
4(c) KBAT (K13.2.9)	Teliti poster berikut. Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. F1 Perpaduan dalam negara kita perlu dikekalkan demi keharmonian Malaysia F2 Menjamin kedaulatan negara	1 1

No. Soalan	Perincian	Markah
	F3 Masyarakat berbilang kaum	1
	F4 Mengukuhkan perpaduan	1
	F5 Kibaran Jalur Gemilang	1
	F6 Lambang identiti negara merdeka	1
	F7 Kepelbagaian budaya / agama / cara hidup	1
	F8 Menonjolkan keunikan rakyat	1
	F9 Rakyat pelbagai kaum saling menghormati	1
	F10 Menghargai keamanan yang dinikmati (Mana-mana jawapan berkaitan) [Mana-mana 4 x 1m]	1 [4m]
	Nota <i>Mesti ada isi tersurat dan tersirat</i> <i>Ayat perlu lengkap (subjek dan predikat)</i>	

No. Soalan	Perincian	Markah
5(a)	Jelaskan maksud nasionalisme.	
T4		
Bab 2	F1 Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa / negara	1
Hal. 22-23	F2 Semangat kebangsaan	1
(9.2.1)	F3 Sikap / pendekatan menentang penjajah /imperialisme barat	1
	F4 Pembelaan terhadap bangsa dan negara	1
	F5 Gerakan mencapai kebebasan politik / ekonomi / sosial	1
	daripada penguasaan asing / memerdekakan negara /	
	membebaskan negara /	
	F6 mempertahankan tanah air/ sanggup berkorban	1
	F7 Hans Kohn / gerakan yang meletakkan kesetiaan	1
	seseorang hanya kepada negara / bangsa	
	F8 Profesor William R.Roff / kesedaran / ketegasan diri /	1
	ancaman terhadap hak kepentingan orang Melayu /	
	sekularisme	
	F9 Dato' Onn Jaafar / suatu bangsa yang lebih tegap / kuat /	1
	boleh berdiri di atas tapak kaki sendiri / mengambil	
	tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain	
	F10 Dr. Burhanuddin al-Helmi / perjuangan menentang	1
	penjajahan melalui persatuan/perpaduan yang kuat	
	/ <i>National Fronts</i> untuk mencapai kemerdekaan dengan	
	berpegang pada tata tertib / adab sopan bangsa Melayu /	
	agama Islam / merampas kembali hak mutlak bangsa	
	F11 Dr. R. Suntharalingam / mengiktiraf hak setiap bangsa di	1
	dunia untuk menubuhkan negaranya sendiri /	
	memindahkan kedaulatan kepada rakyat / menuntut	
	kesetiaan ulung individu kepada negara bangsa/identiti	
	negara	
	F12 Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid / kesetiaan	1
	kepada raja sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka	
	/ fahaman kebangsaan yang bersifat ke "Tanah	
	Melayuan"	
	F13 Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Khay Kim /	1
	perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali	
	kedudukan unggul dalam negara sendiri	
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]
5(b)	Terangkan perkembangan gerakan nasionalisme daripada	
T4	aspek berikut:	
Bab 2	(i) Akhbar	
Hal. 38-39	F1 Mengetengahkan isu hak / masa depan bangsa / polemik Kaum	1
(9.3.3)	Muda dengan Kaum Tua / isu pentadbiran / ekonomi / sosial	

No. Soalan	Perincian	Markah
F2	Syarikat Jelutong Press menyuburkan kegiatan penerbitan akhbar	1
F3	Intelektual berpendidikan Melayu / Inggeris terlibat dalam perkembangan persuratan Melayu	1
F4	Muhammad Eunos Abdullah menerajui akhbar Utusan Melayu / Lembaga Melayu	1
F5	Muhammad Yusof Ahmad (Tok Kenali) / Muhammad Yusof Abdul Hamid / Dato' Onn Jaafar / Abdul Rahim Kajai	1
F6	Bersuara tentang pendidikan / politik tanah air	1
F7	Akhbar berbahasa Inggeris / <i>The Malay Mail</i> / <i>The Malaya Tribune</i>	1
F8	memuatkan perkembangan sosiopolitik / ekonomi di negara kita	1
F9	<i>Jawi Peranakan</i> menegur campur tangan British dalam agama Islam di Singapura / isu Bahasa Melayu	1
F10	<i>Sekola Melayu</i> menjadi bahan pembacaan di Sekolah Melayu	1
F11	<i>Al- Imam</i> memuatkan idea pembaharuan / menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam * Al – Quran & Al Sunnah	1
F12	<i>Neracha</i> menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap penjajahan British	1
F13	mengkritik sikap / mentaliti masyarakat yang perlu dibangunkan melalui pendidikan / tafsiran Islam yang lebih progresif	1
F14	Fajar Sarawak ditulis oleh Muhammad Rakawi Yusuf / Muhammad Awi Anang / Muhammad Daud Abdul Ghani / Haji Abdul Rahman Kassim	1
F15	Menyedarkan kaum yang dijajah / menggesa masyarakat bangkit menuju kemajuan	1
F16	Editor akhbar Cina merangsang pemikiran masyarakat Huachiao / kaum Cina masyarakat seberang laut	1
F17	Untuk mengekalkan identiti / memperjuangkan masyarakat / menyemai perasaan cinta akan negara China - negara asal	1
F18	Akhbar <i>Lat Pau</i> / <i>Modern Daily News</i> cenderung menulis ke arah negara asal mereka	1
F19	Akhbar <i>Nanyang Tsung Hui Pao</i> / <i>Chong Shin Yit Pao</i> memuatkan soal pergolakan politik di China / pemerintahan monarki/sistem beraja	1
F20	Menjelang tahun 1929, penulisan lebih bersifat antiimperialisme	1
F21	Akhbar <i>Nanyang Siang Pao</i> di Pulau Pinang memperjuangkan soal kesatuan sekerja / keadilan sosioekonomi bagi masyarakat kelas bawahan	1

No. Soalan	Perincian	Markah
F22	Akhbar <i>Tamil Nesan</i> / <i>Tamil Murasu</i> cenderung memperjuangkan kepentingan politik / sosial masyarakat India / perkembangan di India / kepentingan sosiopolitik masyarakatnya	1
F23	Akhbar <i>The Indian</i> / <i>Indian Pioneer</i> memuatkan pemikiran / kepentingan perpaduan bagi masyarakat kelas menengah India	1
F24	<i>Al -Ikhwan</i> / <i>Tumas Melayu</i> / <i>Warta Malaya</i> / <i>Lembaga Malaya</i> / <i>Warta Jenaka</i> / <i>Majlis</i>	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]
(ii)	Karya kreatif	
F1	Novel / puisi / gurindam / cerpen	1
F2	Meniupkan nasionalisme dalam kalangan penduduk	1
F3	Mengungkap keperitan hidup bangsa yang dijajah	1
F4	Bertemakan semangat cinta akan negara / perjuangan membela nasib bangsa	1
F5	Novel <i>Mari Kita Berjuang</i> oleh Abdullah Sidek / <i>Melur Kuala Lumpur</i> oleh Harun Aminurrashid	1
F6	Mengajak masyarakat memerdekakan diri daripada aspek ekonomi	1
F7	Puisi "Angan-angan dengan Gurindam" oleh Omar Mustaffa / "Sedarlah" oleh Mahmud Ahmadi / "Semenanjung" oleh Harun Aminurrashid / "Serunai Pujangga" oleh Abdul Samad Ahmad	1
F8	Bertemakan cinta akan negara	1
F9	Cerpen "Rumah Besar Tiang Seribu" / "Putera Gunung Tahan" / "Anak Mat Lela Gila" karya Ishak Haji Muhammad / "Cerita Awang Putat" oleh Abdul Rahim Kajai / "Di sini Kita Bukannya Orang Dagang" karya Shamsuddin Salleh	1
F10	Bertemakan semangat pejuang / nasib bangsa / cinta akan tanah air / kepentingan menikmati kebebasan / menyindir penjajah	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

No. Soalan	Perincian	Markah
5(c) KBAT	<p>Infografik berikut berkaitan etika penggunaan media komunikasi daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Pada pandangan anda, mengapakah etika tersebut perlu dipatuhi?</p> <p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh jawapan :</p> <p>Isi Tersurat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Etika yang perlu dipatuhi iaitu berhemah memberi pandangan - Tidak mengguriskan hati orang lain - Mengamalkan adab semasa menggunakan media komunikasi - Mengelakkan penggunaan bahasa yang kesat - Menjaga keselamatan dan keamanan - Tidak menyokong hasutan berunsur jahat - Bertanggungjawab dengan tidak pasti jangan kongsi <p>Isi Tersirat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengelakkan konflik/provokasi dalam kalangan masyarakat - Isu sensitiviti antara kaum dapat dihindari - Contohnya seperti isu agama / bahasa / budaya - Wujud rasa hormat antara satu sama lain - Menjamin kedaulatan negara - Menaikkan imej negara 	7-8

No. Soalan	Perincian	Markah
6 (a) T4 Hal. 132-133 (10.4.2)	Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
	F1 Penentangan/ketegasan orang Melayu terhadap Malayan Union	1
	F2 Menuntut British mempertimbangkan pendapat mereka dalam sebarang perubahan politik di Tanah Melayu	1
	F2 Orang Melayu / Raja-raja Melayu / cendekiawan Melayu / UMNO telah berganding bahu membantah pelaksanaan Malayan Union	1
	F3 Malayan Union memberi kesan buruk kepada Raja-raja Melayu / orang Melayu	1
	F4 Ahli parlimen British / Gammans / Rees Williams telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union	1
	F5 Melaporkan hasil tinjauan kepada Dewan Parlimen British selepas kembali ke England	1
	F6 Gammans menyatakan sekiranya rancangan Malayan Union diteruskan keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu	1
	F7 Persediaan menggubal Perjanjian PTM telah dijalankan melalui rundingan Raja-raja Melayu/ UMNO / British	1
	F8 Sikap politik orang Melayu yang sederhana	1
	F9 Menulis di akhbar/berdemonstrasi/berkongres/tidak mengangkat senjata/memujuk raja-raja Melayu menyokong menentang British	1
	F10 UMNO /Raja-raja Melayu hanya menuntut rundingan menolak Malayan Union	1
	F11 Tidak menuntut kemerdekaan daripada British	1
	F12 Cadangan Raja-raja Melayu / UMNO	1
	F13 Malcolm McDonald / Gabenor Jeneral / Sir Edward Gent / Gabenor Malayan Union mengadakan pertemuan / perundingan dengan Raja-raja Melayu di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946	1
	F14 Mengatasi konflik masyarakat Melayu dengan British berhubung isi Malayan Union	1
	F15 Raja-raja Melayu mencadangkan penubuhan Persekutuan bertaraf naungan / bukan tanah jajahan	1
	F16 Perjanjian baharu menggantikan Malayan Union	1
	F17 Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor	1
	F18 Raja berkuasa dalam perundangan	1
	F19 Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam Persekutuan yang baharu	1
	F20 Sokongan pentadbir British/bekas pegawai British/Pegawai Tinggi British	1

No. Soalan	Perincian	Markah
	F21 Menyokong konsep Persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan / kestabilan / kemajuan ekonomi	1
	F22 Sir Edward Gent / Malcolm MacDonald / Sir Ralph Hone / Gammans / A.T. Newbould / Roland Braddell / W. Linehan / Theodore Adams / RO Winsted /George Maxwell/ Sir Cecil Cleminti	1
	F23 Sir Ralph Hone mencadangkan penglibatan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan	1
	F24 Memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri / Majlis Perundangan	1
	F25 Sir Edward Gent bertemu dengan wakil UMNO di Pulau Pinang / King's House di Kuala Lumpur	1
	F26 British memberikan peluang kepada Dato' Onn Jaafar / Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas	1
	F27 Mewujudkan politik yang stabil	1
	F28 Mendorong pelabur luar untuk melabur di negara ini	1
	F29 Menjayakan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh PBB / Piagam Atlantik / tidak menggalakkan penjajahan baru / latihan berkerajaan sendiri	1
	F30 Bimbang dipengaruhi gerakan politik Indonesia yang radikal	1
	F31 PKMM/API/AWAS/BATAS	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	[6m]
6 (b) T4 Hal. 134-135 (10.4.3)	Terangkan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948. F1 Pentadbiran F2 Menggabungkan sembilan buah negeri Melayu / dua buah Negeri-negeri Selat / sebuah Persekutuan dibentuk F3 Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan F4 Diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif F5 Bertanggungjawab dalam hal kewangan / hal lain yang mempunyai kepentingan bersama F6 Majlis Mesyuarat Persekutuan / Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British F7 Mengandungi ahli rasmi / ahli tidak rasmi F8 Ahli tidak rasmi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi F9 Terdiri daripada pelbagai kaum	1 1 1 1 1 1 1 1 1

No. Soalan	Perincian	Markah
F10	Perkongsian kuasa antara Majlis Raja-raja dengan Pesuruhjaya Tinggi British pada peringkat Pusat	1
F11	Konsep Raja Berpelembagaan diwujudkan	1
F12	Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri dibentuk@sistem pembahagian kuasa	1
F13	Pesuruhjaya Tinggi British menjaga kedudukan istemiwa orang Melayu/status quo negeri -negeri Melayu/agama Islama/ adat istiadat /teras ketuanan bangsa Melayu	1
F14	Kuasa Raja-raja Melayu/ kedudukan	1
F15	Sebuah Majlis Raja-Raja dibentuk	1
F16	Membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara tertentu	1
F17	Sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri	1
F18	Perundangan	1
F19	Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi	1
F20	Bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar / ketenteraman awam / kehakiman / perdagangan / komunikasi / percukaian	1
F21	Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-Raja	1
F22	Kewarganegaraan	1
F23	Syarat kerakyatan diperketatkan	1
F24	Secara Kuat Kuasa Undang-undang	1
F25	Jus Soli hanya terbuka kepada rakyat Raja / rakyat British	1
F26	Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja / rakyat British	1
F27	Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum / semasa / selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu	1
F28	Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi / memahami adat resam / bertutur bahasa setempat (naturalised) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan	1
F29	Secara pendaftaran	1
F30	Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu / bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya	1
F31	Mempunyai tingkah laku yang baik / tiada rekod jenayah / menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris / bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	[6m]

No. Soalan	Perincian	Markah
7 (a) B4 T5 Hal 66-67 (12.4.1)	Jelaskan latar belakang pembentukan sistem Persekutuan di Malaysia.	
	F1 Persekutuan 1896	1
	F2 Terdiri daripada empat buah negeri Melayu berdasarkan Perjanjian Persekutuan 1895	1
	F3 Dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	1
	F4 Tidak mempunyai agihan kuasa / fungsi khusus antara Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri	1
	F5 Banyak keputusan pentadbiran dibuat oleh Residen Jeneral di Kuala Lumpur	1
	F6 Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927	1
	F7 Distruktur untuk memperkemas tadbir urus Persekutuan	1
	F8 Mengukuhkan kedudukan British di negeri Melayu	1
	F9 Kesatuan Malaya 1946 (Malayan Union)	1
	F10 Menyatukan pentadbiran semua Negeri Melayu / Pulau Pinang / Melaka	1
	F11 Membentuk sebuah kerajaan berbentuk kesatuan/ Kesatuan Malaya	1
	F12 Dibawah kuasa Gabenor British	1
	F13 Dilaksanakan dalam tempoh terhad / gagal diteruskan	1
	F14 Mendapat bantahan Raja-raja Melayu / orang Melayu	1
	F15 Persekutuan Tanah Melayu 1948	1
	F16 Gabungan 9 buah negeri Melayu / dua buah Negeri-negeri Selat	1
	F17 Terbentuk melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948	1
	F18 Menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri	1
	F19 Bermula era moden amalan Persekutuan di negara kita	1
	F20 Pesuruhjaya Tinggi British dilantik sebagai ketua Persekutuan	1
	F21 Raja-raja Melayu memerintah negeri mengikut perlembagaan negeri masing-masing	1
	F22 Persekutuan Tanah Melayu 1957	1
	F23 Muncul Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka	1
	F24 Mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat	1
	F25 Melicinkan pentadbiran negara yang berdaulat	1
	F26 Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan	1
	F27 Konsep Persekutuan diperkukuh dengan sistem Raja Berperlembagaan / Demokrasi Berparlimen	1

No. Soalan	Perincian	Markah
	F28 Persekutuan Malaysia 1963	1
	F29 Terbentuk pada 16 September 1963 / terdiri daripada 11 buah negeri Tanah Melayu / Singapura / dua buah negeri Borneo/ Sarawak dan Sabah	1
	F30 Persekutuan ini dinamakan Malaysia	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	[6m]
7 (b) T5 B4 Hal 72	Maklumat berikut berkaitan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Terangkan kerjasama tersebut	
12.4.3	Pembangunan Tanah	
	F1 Tertumpu pada pembangunan tanah baharu / pembangunan <i>In-Situ</i>	1
	F2 Menekankan pembangunan fizikal desa	1
	F3 Penyediaan kemudahan asas / rumah rakyat / pusat pertumbuhan ekonomi desa	1
	F4 Penubuhan Federal Land Development Authority (FELDA)	1
	F5 Mengurus / menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri	1
	F6 Melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu	1
	F7 Penubuhan Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA)	1
	F8 Menyatukan / memulihkan / membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara	1
	F9 Membangunkan Segi Tiga Jengka melalui Rancangan Pembangunan Wilayah Pertama / diusahakan oleh FELDA.	1
	F10 Temerloh / Jerantut / Maran Pahang	1
	Penyediaan Perumahan Rakyat	
	F11 Perumahan awal kemerdekaan	1
	F12 Menyediakan perumahan kos rendah di kawasan bandar	1
	F13 Pembinaan perumahan di Petaling Jaya / Selangor	1
	F14 Penubuhan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	1
	F15 Menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah	1

No. Soalan	Perincian	Markah
	F16 Kerajaan Negeri menyediakan tanah yang dijual pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah	1
	F17 Perumahan mengatasi masalah kemiskinan	1
	F18 Bekerjasama membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah / kekurangan rumah/ menghapuskan kemiskinan	1
	F19 Flat Jalan Pekeliling di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur dibina untuk golongan berpendapatan rendah	1
	F20 Program Perumahan Rakyat (PPR)	1
	F21 Membina perumahan awam di seluruh negara	1
	F22 Kerajaan Negeri menubuhkan agensi pembangunan negeri	1
	F23 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) / Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak	1
	F24 Membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah	1
	F25 Kerajaan Negeri memperkenalkan Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	1
	F26 Peruntukan kewangan diterima daripada Kerajaan Persekutuan	1
	F27 Perumahan Mampu Milik	1
	F28 Majlis Perumahan Negara ditubuhkan	1
	F29 Merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik	1
	F30 Menubuhkan pelbagai agensi / program khusus	1
	F31 Membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah	1
	F32 Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA) / Rumah Mesra Rakyat / Rumah Selangorku / Rumah Mampu Milik Johor	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	[6m]
	Nota	
	<i>Pelajar perlu menyatakan 3 isi berkaitan pembangunan tabah dan 3 isi berkaitan perumahan rakyat</i>	
7 (c) KBAT K12.4.8	<p>Rakyat dan pemimpin harus berganding bahu memajukan negara. Beri ulasan anda berdasarkan pernyataan tersebut.</p> <p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas</p> <p>Bukti / contoh sangat sesuai</p>	7-8

No. Soalan	Perincian	Markah
	<p>Membuat inferens yang tepat</p> <p>Jawapan yang sangat mendalam / terperinci</p> <p>Komunikasi / pengolahan sangat menarik</p> <p>Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh jawapan :</p> <p>Peranan rakyat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyokong dasar kerajaan untuk memajukan negara - Sentiasa mematuhi undang-undang negara - Mewujudkan suasana aman dalam negara / tiada jenayah - Menghayati prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian - Meningkatkan semangat patriotik - Senantiasa menjaga / memelihara nama negara - Menguasai ilmu / kemahiran dalam pelbagai bidang - Melahirkan tenaga kerja mahir yang dapat melakukan inovasi demi kemajuan negara <p>Peranan Pemimpin</p> <ul style="list-style-type: none"> - Merangka dasar negara untuk pembangunan yang mapan - Memudahkan negara kita bersaing di peringkat antarabangsa - Memudahkan negara kita bersaing di peringkat antarabangsa - Berdiri sebaris dengan negara membangun / maju yang lain - Mengagihkan kekayaan negara dengan adil dan saksama - Semua golongan masyarakat mendapat peluang yang sama dalam ekonomi - Mewujudkan pentadbiran yang cekap dan berkesan - Menjamin kestabilan politik negara - Menjadi nilai tambah untuk menarik pelaburan asing ke dalam negara kita <p>Nota</p> <p><i>Pelajar perlu menyentuh kedua-dua aspek iaitu peranan rakyat dan pemimpin</i></p>	

No. Soalan	Perincian	Markah
8 (a) B7 T5 Hal 145 14.1.2	Jelaskan cadangan jawatankuasa berikut:	
	(i) Laporan Rahman Talib	
	F1 Mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan	1
	F2 Memupuk perpaduan / integrasi	1
	F3 Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan	1
	F4 Bahasa seragam dapat mewujudkan perpaduan	1
	F5 Mengadakan kurikulum yang sama	1
	F6 Berorientasikan negara kita	1
	F7 Mewujudkan perasaan cinta akan negara	1
	F8 Mengemukakan cadangan tambahan kepada Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956	1
	F9 Memperkukuh semangat kekitaan / kebersamaan dalam kalangan murid ke arah perpaduan	1
	F10 Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah	1
	F11 Menanam kesetiaan kepada negara / perasaan cinta kepada negara	1
	F12 Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat	1
	F13 Membentuk sikap toleransi / bekerjasama / persefahaman antara kaum	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]
	(ii) Kajian Aminuddin Baki	
	F1 Memperkenalkan sistem sekolah aneka jurusan	1
	F2 Menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik	1
	F3 Memperkenalkan kursus kemahiran	1
	F4 Perdagangan /sains rumah tangga /seni perusahaan /sains pertanian	1
	F5 Melahirkan tenaga kerja mahir pelbagai kaum	1
	F6 Persediaan memenuhi permintaan pasaran kerja	1
	F7 Mewujudkan sekolah kebangsaan yang menggabungkan pelbagai kaum	1
	F8 Memupuk perpaduan	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

No. Soalan	Perincian	Markah
Hal.146	<p>(iii) Laporan Jawatankuasa Kabinet</p> <p>F1 Mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan 1</p> <p>F2 Mengukuhkan perpaduan 1</p> <p>F3 Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan 1</p> <p>F4 Menjadi mata pelajaran wajib peperiksaan awam 1</p> <p>F5 Penegasan kepada pendidikan kerohanian 1</p> <p>F6 Melalui mata pelajaran Pendidikan Islam / Pendidikan Moral 1</p> <p>F7 Penekanan terhadap aktiviti kokurikulum melibatkan semua kaum 1</p> <p>F8 Badan unifom / sukan / permainan / persatuan 1</p> <p>F9 Menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1</p> <p>F10 Memastikan murid menguasai / menghargai Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan / alat perpaduan 1</p> <p>F11 Murid boleh menguasai bidang komunikasi / kemanusiaan / alam sekitar / perkembangan diri individu 1</p> <p>F12 Memberi penekanan kepada kemahiran 3M(membaca, menulis, mengira) 1</p> <p>F13 Memastikan Pendidikan relevan bagi menghadapi cabaran abad ke-21 1</p> <p>F14 Pengenalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 1</p> <p>F15 Dilaksanakan kepada murid tahun 1 bermula tahun 2011 1</p> <p>F16 Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) 1</p> <p>F17 Digubal berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1</p> <p>F18 Melahirkan generasi berilmu / berkemahiran / bersatu padu 1</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	<p style="text-align: right;">[4m]</p>
8 (b) KBAT	<p>Teliti maklumat dalam petikan berikut.</p> <p>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut</p> <p style="text-align: center;">Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas</p> <p>Bukti / contoh sangat sesuai</p> <p>Membuat inferens yang tepat</p> <p>Jawapan yang sangat mendalam / terperinci</p>	<p style="text-align: right;">7-8</p>

No. Soalan	Perincian	Markah
	<p>Komunikasi / pengolahan sangat menarik</p> <p>Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh jawapan :</p> <p>Maklumat dalam petikan (tersurat)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam negara perlu diperkasa - Melalui penglibatan serta kerjasama daripada sektor awam dan swasta secara lebih aktif - Menaik taraf institusi Pendidikan TVET - Berupaya menyediakan peluang lebih besar kepada pelajar untuk meningkatkan keupayaan dalam bidang baharu - Pelajar juga boleh mengikuti kursus-kursus baharu - seperti kenderaan elektrik (EV) dan dron yang mempunyai keboleh pasaran tinggi - Pemain industri utama dapat mengurus latihan TVET - Menyediakan pelajar terlatih untuk memasuki alam pekerjaan dengan pendapatan munasabah - Menyelesaikan permasalahan mengenai latihan tidak sepadan - tidak diperluaskan dan tidak memuaskan membabitkan graduan - Tanpa tenaga mahir kompeten, pembangunan sektor TVET kemungkinan boleh tergugat <p>Maklumat tersirat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sektor TVET merencanakan sektor ekonomi digital - Misalnya e-dagang / e-hailing - Mampu meningkatkan jumlah pendapatan negara - Menyediakan peluang pekerjaan sektor berpendapatan tinggi kepada masyarakat Malaysia - Mengurangkan kadar pengangguran dalam negara - Membolehkan Malaysia bersaing di peringkat global <p><i>Nota</i></p> <p><i>Mesti ada isi tersurat dan tersirat</i></p>	

No. Soalan	Perincian	Markah
9 (a)	Jelaskan faktor penggubalan dasar luar Malaysia.	
T5	F1 <u>Ikatan sejarah</u>	1
B9	F2 Bermula sejak zaman kesultanan Melayu Melaka/hubungan perdagangan	1
Hal 197	F3 Mengadakan hubungan dengan kepulauan Melayu	1
15.1.2	F4 Nilai sejarah yang dilalui / ikatan sejarah antara negara	1
	F5 Ikatan sejarah dan budaya dengan negara serantau / antarabangsa	1
	F6 Singapura / Indonesia / Brunei / Filipina / Thailand / Burma (Myanmar) / China / India	1
	F7 <u>Ikatan keagamaan</u>	1
	F8 Terjalin sejak sekian lama	1
	F9 Arab Saudi / Mesir / Yaman / Turki	1
	F10 Menyertai Komanwel	1
	F11 Meneruskan hubungan diplomatik	1
	F12 Britaian/Australia/New Zealand	1
	F13 Mengatasi ancaman komunis	1
	F14 Mendorong probarat/anti komunis	1
	F15 <u>Keperluan nasional / kepentingan negara</u>	1
	F16 Menjaga kedaulatan / dasar yang menguntungkan negara	1
	F17 Kedudukan strategik menjadi perkiraan utama jalinkan dasar dengan negara serantau	1
	F18 Membolehkan kebajikan rakyat Malaysia di luar negara dijaga	1
	F19 <u>Kepentingan ekonomi / keamanan</u>	1
	F20 Pada tahun 1980 an dasar pandang ke timur diperkenalkan	1
	F21 Menggalakkan pelabur dari timur	1
	F22 Jepun/korea	1
	F23 Menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas / berkecuali / tanpa mengira ideologi	1
	F24 <u>Kepimpinan</u>	1
	F25 Kebijakan / kebolehan pemimpin menjadi asas penggubalan	1
	F26 Pemimpin peka perkembangan peringkat antarabangsa / perubahan yang berlaku untuk menentukan dasar luar	1
	F27 Dasar pada tahun 1990-an merupakan perubahan sikap pemimpin yang sebelum ini cenderung kepada negara maju	1

No. Soalan	Perincian	Markah
F28	Menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun di Afrika / negara kepulauan Pasifik Selatan	1
F29	<u>Persekitaran Luar</u>	1
F30	Disesuaikan dengan perubahan yang berlaku /perkembangan politik /ekonomi/ sosial antarabangsa yang sentiasa berubah	1
F31	Dasar ditentukan oleh perkembangan pada peringkat antarabangsa ketika Perang Dingin / probarat	1
F32	Mengubah dasar probarat kepada tidak berpihak / Dasar Berkecuali	1
F33	<u>Faktor politik</u>	1
F34	Memelihara kedaulatan negara-negara lain	1
F35	Menyokong Palestin mewujudkan keamanan di rantau asia barat	1
F36	Menyokong semua resolusi PBB	1
F37	Bagi mengekalkan keamanan dunia	1
F38	<u>Faktor geografi</u>	1
F39	Kedudukan strategik di Asia Tenggara / bersempadan	1
F40	Singapura / Thailand / Indonesia / Filiphina / Brunei	1
F41	Laluan perdagangan dunia	1
F42	<u>Faktor demografi</u>	1
F43	Hubungan diplomatik dengan negara-negara Islam	1
F44	Majoriti penduduk beragama Islam	1
F45	Tidak mengadakan hubungan dengan negara Israel	1
F46	Menceroboh/menindas pribumi Palestin	1
F47	Amalan konsep perpaduan / sikap komited terhadap hak asasi manusia	1
F48	Menentang dasar aparteid	1
F49	Di Afrika selatan	1
F50	Tidak mengadakan hubungan sehingga undang-undang berkenaan dihapuskan	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	[6m]

No. Soalan	Perincian	Markah
9 (b)	Terangkan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan ASEAN	
B9	F1 Deklarasi <i>Zone of Peace, Freedom and Neutrality</i> / Zon Aman, Bebas dan Berkecuali / (ZOPFAN) / Deklarasi Kuala Lumpur.	1
T5	F2 Menjalinkan hubungan dengan China	1
Hal 210-211	F3 Menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar peringkat serantau / global	1
(15.2.2)	F4 Mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar	1
	F5 Amerika Syarikat / Rusia / China	1
	F6 Penyelesaian konflik serantau	1
	F6 Indochina / Vietnam / Kemboja	1
	F7 Berkaitan ancaman komunis / pelarian	1
	F8 Menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam	1
	F9 Menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali	1
	F10 Membincangkan pergolakan di Indochina / masa depan rantau Asia Tenggara	1
	F11 Isu Kemboja diselesaikan melalui pilihanraya 1993	1
	F12 Menghantar pasukan pengaman di bawah PBB / Misi UNTAC	1
	F13 <u>Kerjasama ekonomi</u>	1
	F14 Negara anggota ASEAN merupakan rakan dagang Malaysia yang penting	1
	F15 Projek Industri ASEAN (AIP)	1
	F16 Pengeluaran baja urea di Indonesia / Malaysia /baja fosfat / kuprum di Filipina/serbuk soda di Thailand	1
	F17 Mempromosikan / menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN	1
	F18 Mewujudkan pasaran tunggal ASEAN yang bebas / penggunaan mata wang ASEAN	1
	F19 Penggunaan Skim Keutamaan Perdagangan (SKP)	1
	F20 Menawarkan pemotongan cukai ke atas pelbagai produk keluaran negara anggota ASEAN	1
	F21 Terlibat dalam perjanjian ASEAN Free Trade Area / AFTA / Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN	1
	F22 Menjadikan ASEAN tempat produksi yang kompetatif bagi hasil keluaran negara	1
	F23 Mengurangkan tarif / cukai	1
	F24 Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga	1

No. Soalan	Perincian	Markah
F25	Mengurangkan monopoli pasaran dalam ASEAN daripada negara maju	1
F26	Mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa	1
F27	Melalui koperasi ASEAN / bank ASEAN / menggunakan wang ASEAN	1
F28	Malaysia mengemukakan idea melalui ASEAN untuk memperluaskan skop ekonomi	1
F29	China/Jepun/Korea	1
F30	Dikemukakan oleh Dato Sri Dr Mahatir Mohamad	1
F31	Perundingan Ekonomi Asea Timur / EAEC	1
F32	Ditentang oleh negara maju / Amerika Syarikat	1
F33	Kerjasama tidak rasmi melalui konsep ASEAN +3	1
F34	Kerjasama antara Asean dengan China/Jepun/Korea	1
F35	Kerjasama sosial	1
F36	Penubuhan Southeast Asian Ministers of Education Organization – SEAMEO / Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara	1
F37	Bekerjasama dalam semua bidang pendidikan	1
F38	Pertukaran pelajar	1
F39	Penubuhan pusat serantau Pendidikan The Regional Centre for Education in Science and Mathematics / RECSAM / Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik di Pulau Pinang	1
F40	Kerjasama dalam bidang kebudayaan	1
F41	Festival kebudayaan / kesenian	1
F42	Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN	1
F43	Pertukaran rancangan television/radio	1
F44	Palancaran tahun melawat Asean	1
F45	Menjalinkan kerjasama dalam sukan	1
F46	Sukan SEA	1
F47	Merapatkan hubungan negara anggota /semangat kesukanan	1
F48	Komuniti ASEAN	1
F49	Ditubuhkan tahun 2015 melalui Deklarasi Kuala Lumpur / Sidang Kemuncak ASEAN ke-27	1
F50	Langkah menyeluruh / strategik / bersifat memandang ke hadapan / mencerminkan aspirasi ASEAN	1
F51	Memberi fokus kepada ekonomi / sosiobudaya / keselamatan	1

No. Soalan	Perincian	Markah
	F52 Menjadi harapan agar keselamatan rantau ASEAN kekal terjamin / konflik diselesaikan secara damai	1
	F53 Komuniti sosiobudaya berharap integrasi antara negara anggota dipertingkat	1
	F54 Bekerjasama dengan ASEAN menubuhkan Rizab Sekuriti Makanan ASEAN	1
	F55 Mendapatkan maklumat tentang dasar sekuriti makanan / Simpanan Beras Kecemasan ASEAN / 50000 tan simpanan stok	1
	F56 Boleh digunakan sewaktu kecemasan	1
	F57 Isu alam sekitar / jerebu	1
	F58 Perjanjian ASEAN berkaitan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan	1
	F59 Negara anggota disarankan ambil langkah undang-undang / pentadbiran	1
	F60 Menekankan prinsip ASEAN Tanpa Jerebu 2020	1
	F61 Zon Bebas Nuklear	1
	F62 Menandatangani Southeast Asian Nuclear-Weapon-Free-Zon (SEANWFZ) / Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara	1
	F63 Menekankan negara terlibat tidak mengembangkan / mengeluarkan / memperoleh / memiliki / mengawal senjata nuklear	1
	F64 Mengawal persaingan China / Amerika Syarikat / kapal perang asing di perairan Selat Melaka	1
	F65 Tidak membenarkan kapal yang membawa senjata nuklear berlabuh/mengadakan latihan di perairan negara	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	[6m]
	Nota: Terima jawapan mana-mana penglibatan Malaysia dalam ASEAN	
9 (c) KBAT K15.2.5	Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan kepada negara sekiranya berjaya dilaksanakan Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci	7-8

No. Soalan	Perincian	Markah
	<p>Komunikasi / pengolahan sangat menarik</p> <p>Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh jawapan :</p> <p>Mesej yang terkandung dalam petikan (Tersurat)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kerangka dasar luar Malaysia menumpukan kepada beberapa keutamaan - Menggiatkan semula hubungan Malaysia di dalam ekonomi global - Menekankan kepada kewujudan kerjasama erat dengan negara lain di platform antarabangsa - Membangunkan ekonomi digital - Memacu negara Malaysia untuk pertumbuhan ekonomi - Menggalakkan falsafah hidup bersama dalam budaya damai dan kepelbagaian dengan rasa hormat - Menjadi alat paling berkesan untuk menuju ke arah pemulihan global yang berjaya - Adalah satu dokumen yang holistik - Menyediakan laluan untuk Malaysia muncul lebih utuh dan berdaya tahan di arena antarabangsa <p>Kesan kepada negara (Tersirat)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan pendapatan negara melalui kerjasama dengan negara luar - Memajukan sektor perdagangan / import / eksport - Kembangkan industri / perusahaan negara - Membuka peluang pelaburan dalam dan luar negara - Menaikkan imej negara dipersada dunia melalui pemahaman budaya - Memelihara keamanan serantau - Menjadikan negara Malaysia sebagai negara contoh dalam pembinaan negara bangsa yang bersatu walaupun terdapat kepelbagaian kaum <p>Nota</p> <p>Pelajar perlu menyatakan 4 mesej dan 4 kesan</p>	

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT